



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil AIA Med Basic. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

AIA Med Basic adalah pelan insurans yang diperbaharui setiap tahun bagi menyediakan perlindungan untuk perbelanjaan kemasukan ke hospital dan pembedahan. Pelan ini adalah pelan perlindungan perubatan dan kesihatan yang tulen dan tidak mempunyai unsur simpanan atau pelaburan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini menyediakan:

| Jadual Manfaat | | Pelan |
|--|--|---|
| 1 | Bilik Dan Penginapan Hospital (sehingga 120 hari setahun) | RM100 |
| 2 | Unit Rawatan Rapi (ICU) (sehingga 120 hari setahun) | Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan dan Had Seumur Hidup |
| 3 | Yuran berkaitan Hospital <ul style="list-style-type: none">Bekalan dan Perkhidmatan HospitalBayaran PembedahanYuran Bilik PembedahanYuran Pakar BiusLawatan Doktor Dalam Hospital (2 lawatan setiap pakar perubatan untuk sehari) | |
| Semua tuntutan adalah tertakluk kepada Deduktibel sebanyak RM300 untuk Mana-mana Satu Hilang Upaya. | | |
| Had Tahunan | | RM20,000 |
| Had Seumur Hidup | | RM80,000 |

Nota:

- Pelan ini tidak melindungi rawatan pra-penghospitalkan, rawatan selepas penghospitalkan dan rawatan pesakit luar.
- Deduktibel adalah jumlah tetap yang anda perlu bayar untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung sebagai perkongsian kos. Anda perlu membayar RM300 yang pertama daripada perbelanjaan yang layak untuk setiap hilang upaya dan kami akan membayar baki untuk perbelanjaan yang layak.
- "Mana-mana Satu Hilang Upaya" bermaksud jika dua atau lebih Pengasingan disebabkan oleh hilang upaya yang sama atau yang berkaitan, atau disebabkan oleh sebarang komplikasi yang timbul daripadanya, maka pengasingan tersebut akan dianggap sebagai satu pengasingan jika setiap daripadanya tidak dipisahkan lebih daripada sembilan puluh (90) hari dari tarikh dikeluarkan dari hospital.

Tempoh perlindungan: Diperbaharui setiap tahun sehingga umur 70 tahun

Peringatan: Sila rujuk kontrak polisi yang mempunyai maklumat mengenai manfaat produk.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar: RM<XXX.XX> (<Frekuensi Pembayaran>)
Kelas pekerjaan: Kelas <X>



Sila ambil perhatian bahawa kadar premium akan meningkat bergantung kepada umur yang dicapai apabila premium perlu dibayar. Sila rujuk kepada "**Lampiran - Jadual Premium untuk AIA Med Basic**" di akhir dokumen ini untuk maklumat lanjut.

Anda harus memastikan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu. Premium ini tidak dijamin dan mungkin meningkat pada masa hadapan. Kami berkhawatir untuk menyemak semula kadar premium dengan memberikan notis bertulis 30 hari sebelum ulang tahun polisi yang akan datang.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Tiada yuran-yuran dan caj-caj selain daripada premium yang perlu dibayar.

Pelan ini tidak mempunyai sebarang komisen dan tiada perantara yang terlibat dalam pemasaran pelan AIA Med Basic.

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- (a) **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- (b) **Tempoh Percubaan** - Anda boleh membatalkan polisi dengan mengembalikan kontrak Polisi Anda dan memberi permintaan bertulis yang ditandatangani oleh Anda kepada AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas menerima kontrak Polisi Anda. Premium yang anda bayar akan dibayar balik.
- (c) **Tempoh Ihsan** - 31 hari dari tarikh genap tempoh premium.
- (d) **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk manfaat di bawah polisi hanya akan bermula selepas tempoh tertentu dari tarikh berkuat kuasa polisi:

| Keterangan | Tempoh Menunggu |
|------------------------------|-----------------|
| Penyakit Tertentu | 120 hari |
| Penyakit Lain | 30 hari |
| Kecederaan Akibat Kemalangan | Tiada |

Nota:

- (i) Ia mungkin tidak akan menguntungkan untuk bertukar dari satu pelan insurans ke pelan yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu penuh dan sebarang tempoh yang berkaitan dengan pengecualian bagi penyakit-penyakit tertentu / keadaan-keadaan sedia ada untuk Polisi baru.
- (ii) Terma-terma dan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak Polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Sebarang tuntutan yang timbul daripada peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah polisi ini :

- (a) Penyakit sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- (b) Rawatan atau pembedahan untuk Penyakit Tertentu sehingga Insured telah diinsuranskan secara berterusan di bawah Polisi ini untuk tempoh seratus dua puluh (120) hari; atau
- (c) Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran. Ini termasuklah segala jenis hernia dan epilepsi kecuali apabila disebabkan oleh sesuatu trauma yang berlaku selepas tarikh Insured dilindungi secara berterusan di bawah Polisi ini dan sebarang keadaan kongenital atau keadaan keturunan yang telah menjadi nyata atau didiagnosis sebelum Insured mencapai umur tujuh belas (17) tahun; atau
- (d) Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh memusnahkan diri atau kecederaan diri yang



- disengajakan, pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau sebarang cubaan memusnahkan diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- (e) peperangan, sama ada diisytiharkan ataupun tidak, mogok, rusuhan, perang saudara, revolusi atau sebarang operasi ketenteraan; atau
 - (f) Berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
 - (g) Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
 - (h) Kehamilan, keguguran atau melahirkan anak; atau
 - (i) Penyakit mental atau penyakit saraf, rawatan ketagihan arak, atau penyalahgunaan dadah atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya atau sebarang pengambilan dadah secara tidak sengaja yang tidak dipreskripsikan oleh Doktor yang merawat; atau
 - (j) Pembedahan elektif/plastik/kosmetik, khatan (kecuali khatan akibat jangkitan), pemeriksaan mata/pembedahan elektif untuk kecacatan penglihatan akibat keterlihatan, penglihatan jauh atau astigmatisme atau radang keratotomy; semua cermin mata pembetulan, kanta lekap dan kanta intraocular (kecuali kanta intraocular monofocal dalam pembedahan katarak) atau penggunaan atau perolehan peralatan atau alat prostetik luaran seperti anggota tiruan, alat pendengaran, dan preskripsinya;
 - (k) Sebarang rawatan atau Pembedahan pergigian melainkan jika diperlukan kerana kecederaan tetapi tidak termasuk penggantian gigi asal, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti titian gigi ("bridges") dan korona ("crowns") atau penggantinya; atau
 - (l) Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis untuk hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, vitamin/makanan tambahan dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau
 - (m) Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak perlu dari segi perubatan, atau penyembuhan, penjagaan atau rehat pulih; atau
 - (n) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh 30 hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula polisi ini, yang mana kemudian, kecuali untuk kecederaan dilindungi; atau
 - (o) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuclear; atau
 - (p) Perbelanjaan yang ditanggung untuk mendermakan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Insured dan pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya. Kami hanya akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan ke atas Pembedahan Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang untuk Insured sebagai penerima, terhad kepada sekali seumur hidup; atau
 - (q) Rawatan yang diterima oleh Insured di luar negara kecuali Singapura dan Brunei, jika Insured tinggal atau mengembara di luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut. Manfaat bagi rawatan itu adalah terhad kepada Caj Munasabah dan Biasa dan caj yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk rawatan dalam negara yang setaraf dengannya di Malaysia dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak Polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA Bhd. Selepas pembatalan, anda layak untuk mendapat bayaran balik sebahagian daripada premium anda dengan syarat anda tidak membuat tuntutan ke atas polisi dalam tahun polisi semasa.

Jika anda tidak membayar premium anda dalam Tempoh Ihsan, polisi anda akan ditamatkan.

Nota: Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut.



AIA Bhd. (790895-D)

Menara AIA, 99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300 88 1899
T: 03-2056 1111
F: 03-2056 3891
E: my.customer@aia.com
AIA.COM.MY

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kepada AIA Bhd. mengenai sebarang perubahan maklumat Anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* pada 'Insurans Perubatan dan Kesihatan', yang boleh diperolehi dari semua cawangan AIA Bhd. atau anda boleh mendapatkan salinan dari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my. Untuk maklumat tambahan mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk laman web AIA Bhd.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA Bhd. di:

AIA Bhd. (790895-D)
Menara AIA, 99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1 300 88 1899
Tel: 03 - 2056 1111
Faks: 03 – 2056 3891
E-mel: my.customer@aia.com
Laman Web: AIA.COM.MY

AIA Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Jenis pelan-pelan lain yang serupa boleh didapati

Sila hubungi AIA Bhd. atau kunjungi laman web kita di www.aia.com.my untuk jenis pelan-pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AIA Bhd.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA INSURANS PERUBATAN DAN KESIHATAN YANG DIPILIH ADALAH TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS PERUBATAN DAN KESIHATAN DAN HUBUNGI AIA BHD. UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat <MM/DD/YYYY>.



Lampiran - Jadual Premium bagi AIA Med Basic

| Lelaki – Kelas Pekerjaan 1 & 2 (RM) | | | | |
|--|----------------|---------------------|------------------------|----------------|
| Umur | Bulanan | Suku Tahunan | Separuh Tahunan | Tahunan |
| 16 - 20 | 46.55 | 137.76 | 275.53 | 535.00 |
| 21 - 25 | 62.55 | 185.14 | 370.29 | 719.00 |
| 26 - 30 | 58.46 | 173.04 | 346.08 | 672.00 |
| 31 - 35 | 58.73 | 173.81 | 347.63 | 675.00 |
| 36 - 40 | 69.95 | 207.03 | 414.06 | 804.00 |
| 41 - 45 | 77.17 | 228.40 | 456.81 | 887.00 |
| 46 - 50 | 89.26 | 264.20 | 528.39 | 1,026.00 |
| 51 - 55 | 114.58 | 339.13 | 678.26 | 1,317.00 |
| 56 - 60* | 150.25 | 444.70 | 889.41 | 1,727.00 |
| 61 - 65* | 248.65 | 735.94 | 1,471.87 | 2,858.00 |
| 66 - 70* | 414.99 | 1,228.28 | 2,456.55 | 4,770.00 |

| Lelaki – Kelas Pekerjaan 3 (RM) | | | | |
|--|----------------|---------------------|------------------------|----------------|
| Umur | Bulanan | Suku Tahunan | Separuh Tahunan | Tahunan |
| 16 - 20 | 60.51 | 179.09 | 358.18 | 695.50 |
| 21 - 25 | 81.32 | 240.69 | 481.37 | 934.70 |
| 26 - 30 | 76.00 | 224.95 | 449.90 | 873.60 |
| 31 - 35 | 76.34 | 225.96 | 451.91 | 877.50 |
| 36 - 40 | 90.93 | 269.14 | 538.28 | 1,045.20 |
| 41 - 45 | 100.32 | 296.92 | 593.85 | 1,153.10 |
| 46 - 50 | 116.04 | 343.45 | 686.91 | 1,333.80 |
| 51 - 55 | 148.95 | 440.87 | 881.73 | 1,712.10 |
| 56 - 60* | 195.32 | 578.11 | 1,156.23 | 2,245.10 |
| 61 - 65* | 323.24 | 956.72 | 1,913.43 | 3,715.40 |
| 66 - 70* | 539.49 | 1,596.76 | 3,193.52 | 6,201.00 |

| Lelaki – Kelas Pekerjaan 4 (RM) | | | | |
|--|----------------|---------------------|------------------------|----------------|
| Umur | Bulanan | Suku Tahunan | Separuh Tahunan | Tahunan |
| 16 - 20 | 67.49 | 199.76 | 399.51 | 775.75 |
| 21 - 25 | 90.70 | 268.46 | 536.91 | 1,042.55 |
| 26 - 30 | 84.77 | 250.91 | 501.82 | 974.40 |
| 31 - 35 | 85.15 | 252.03 | 504.06 | 978.75 |
| 36 - 40 | 101.42 | 300.19 | 600.39 | 1,165.80 |
| 41 - 45 | 111.90 | 331.18 | 662.37 | 1,286.15 |
| 46 - 50 | 129.43 | 383.08 | 766.17 | 1,487.70 |
| 51 - 55 | 166.14 | 491.73 | 983.47 | 1,909.65 |
| 56 - 60* | 217.86 | 644.82 | 1,289.64 | 2,504.15 |
| 61 - 65* | 360.54 | 1,067.11 | 2,134.21 | 4,144.10 |
| 66 - 70* | 601.74 | 1,781.00 | 3,562.00 | 6,916.50 |

* Premium bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.



Lampiran - Jadual Premium bagi AIA Med Basic

| Perempuan – Kelas Pekerjaan 1 & 2 (RM) | | | | |
|---|----------------|---------------------|------------------------|----------------|
| Umur | Bulanan | Suku Tahunan | Separuh Tahunan | Tahunan |
| 16 - 20 | 40.89 | 121.03 | 242.05 | 470.00 |
| 21 - 25 | 45.41 | 134.42 | 268.83 | 522.00 |
| 26 - 30 | 48.55 | 143.69 | 287.37 | 558.00 |
| 31 - 35 | 52.20 | 154.50 | 309.00 | 600.00 |
| 36 - 40 | 54.55 | 161.45 | 322.91 | 627.00 |
| 41 - 45 | 85.26 | 252.35 | 504.70 | 980.00 |
| 46 - 50 | 93.70 | 277.33 | 554.66 | 1,077.00 |
| 51 - 55 | 112.14 | 331.92 | 663.84 | 1,289.00 |
| 56 - 60* | 145.55 | 430.80 | 861.60 | 1,673.00 |
| 61 - 65* | 246.82 | 730.53 | 1,461.06 | 2,837.00 |
| 66 - 70* | 375.49 | 1,111.37 | 2,222.74 | 4,316.00 |

| Perempuan – Kelas Pekerjaan 3 (RM) | | | | |
|---|----------------|---------------------|------------------------|----------------|
| Umur | Bulanan | Suku Tahunan | Separuh Tahunan | Tahunan |
| 16 - 20 | 53.16 | 157.33 | 314.67 | 611.00 |
| 21 - 25 | 59.04 | 174.74 | 349.48 | 678.60 |
| 26 - 30 | 63.11 | 186.79 | 373.58 | 725.40 |
| 31 - 35 | 67.86 | 200.85 | 401.70 | 780.00 |
| 36 - 40 | 70.91 | 209.89 | 419.78 | 815.10 |
| 41 - 45 | 110.84 | 328.06 | 656.11 | 1,274.00 |
| 46 - 50 | 121.81 | 360.53 | 721.05 | 1,400.10 |
| 51 - 55 | 145.79 | 431.49 | 862.99 | 1,675.70 |
| 56 - 60* | 189.22 | 560.04 | 1,120.07 | 2,174.90 |
| 61 - 65* | 320.86 | 949.69 | 1,899.37 | 3,688.10 |
| 66 - 70* | 488.14 | 1,444.78 | 2,889.56 | 5,610.80 |

| Perempuan – Kelas Pekerjaan 4 (RM) | | | | |
|---|----------------|---------------------|------------------------|----------------|
| Umur | Bulanan | Suku Tahunan | Separuh Tahunan | Tahunan |
| 16 - 20 | 59.29 | 175.49 | 350.97 | 681.50 |
| 21 - 25 | 65.85 | 194.90 | 389.80 | 756.90 |
| 26 - 30 | 70.39 | 208.34 | 416.69 | 809.10 |
| 31 - 35 | 75.69 | 224.03 | 448.05 | 870.00 |
| 36 - 40 | 79.10 | 234.11 | 468.21 | 909.15 |
| 41 - 45 | 123.63 | 365.91 | 731.82 | 1,421.00 |
| 46 - 50 | 135.86 | 402.12 | 804.25 | 1,561.65 |
| 51 - 55 | 162.61 | 481.28 | 962.56 | 1,869.05 |
| 56 - 60* | 211.05 | 624.66 | 1,249.31 | 2,425.85 |
| 61 - 65* | 357.89 | 1,059.26 | 2,118.53 | 4,113.65 |
| 66 - 70* | 544.46 | 1,611.49 | 3,222.97 | 6,258.20 |

* Premium bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.